

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11 March 2016

PM kagum kecekalan Shahrom jelajah Kutub Selatan

um - 11/3/2016

Oleh HUSSAINI AMRAN

hussaini.amran@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak mengagumi kecekalan penjelajah tunggal negara, Shahrom Abdullah menjayakan misi merentas Kutub Selatan menggunakan ski dalam tempoh 37 hari.

Perdana Menteri berkata, semangat anak jati Felda Chiku di Gua Musang, Kelantan itu perlu dicontohi golongan belia agar mereka tidak gentar dengan sebarang cabaran.

"Perjalanan sejauh 890 kilometer ini tidak mudah, apatah lagi menyesuaikan diri dengan cuaca ekstrem yang sangat berbeza dengan negara kita," katanya melalui laman Facebook beliau hari ini.

Shahrom, 36, berjaya menamatkan Misi Ekspedisi Kelab Eksplorasi Tujuh Benua Malaysia (KE7B) Rentas Kutub Selatan pada 16 Januari lalu.

Beliau merupakan rakyat Malaysia pertama yang berjaya mengharungi cabaran tersebut dan merancang untuk melakukan misi serupa di Kutub Utara tahun hadapan.



NAJIB TUN RAZAK menerima hadiah daripada penjelajah tunggal negara, Shahrom Abdullah ketika mengadakan pertemuan di Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Pengarah Media KE7B, Hazran Mohamed (kanan). - BERNAMA